



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PROGRAM JELAJAH KARNIVAL KPDN TAHUN 2024

KANGAR, 11 MEI 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hari ini telah melancarkan Program Jelajah KPDN Tahun 2024 bertempat di Dataran Lapang Kangar Jaya, Perlis.

Bertemakan “Kita Pengguna, Daya Negara,” penganjuran Karnival KPDN 2024 ini selari dengan matlamat Kementerian dalam menggerakkan agenda besar kepenggunaan yang responsif melalui pendekatan bersemuka secara terus kepada rakyat. Objektif penganjuran karnival ini juga adalah untuk mempromosikan fungsi dan perkhidmatan yang ditawarkan Kementerian dan Agensi kepada rakyat dalam meningkatkan kefahaman terhadap hala tuju KPDN seterusnya membina kepercayaan serta keyakinan antara Kerajaan dengan rakyat.

Program Jelajah Karnival KPDN Tahun 2024 yang julung kali diadakan di negeri Perlis ini merupakan pembuka tirai untuk siri jelajah program pembangunan perniagaan yang akan dianjurkan di seluruh negara antaranya Kelantan, Sarawak, Perak, Sabah dan Melaka bermula daripada bulan Mei sehingga Disember 2024. Karnival ini turut melibatkan kerjasama strategik pelbagai jabatan dan agensi, syarikat berkaitan Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta serta para pemegang taruh.

Karnival yang diadakan bersempena dengan 40 tahun pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM), menonjolkan penyampaian perkhidmatan Kementerian secara langsung kepada rakyat dan sesi libat urus melalui advokasi kepenggunaan, advokasi penguatkuasaan, inisiatif-inisiatif di bawah Payung RAHMAH seperti Program Jualan RAHMAH MADANI, Program Menu RAHMAH MADANI dan advokasi Logo Barangan Malaysia (LBM) serta lain-lain perkhidmatan menarik yang ditawarkan oleh agensi-agensi terlibat.

Antara tarikan sepanjang tiga hari Jelajah KPDN Tahun 2024 di negeri Perlis ialah pameran dan aktiviti menarik melalui *pavilion* Perkhidmatan Perdagangan Pengedaran, Perlindungan Pengguna dan Inisiatif Kos Sara Hidup oleh pihak Kementerian dan Agensi dalam menyampaikan maklumat kepada pengunjung tentang peranan dan fungsi KPDN dalam memastikan perdagangan yang adil, perlindungan pengguna yang berkesan dan usaha untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat yang mencerminkan responsif KPDN terhadap kebimbangan awam. Ini adalah wadah komitmen Kementerian untuk mewujudkan masyarakat yang lebih adil dan sejahtera untuk semua rakyat Malaysia MADANI.

Selain itu, jelajah ini turut membuka peluang dan potensi melalui padanan perniagaan dan promosi yang lebih besar khususnya kepada para peniaga Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka. Justeru, inisiatif ini mampu mengukuhkan perbelanjaan domestik dengan menggalakkan para pengguna di negara ini membeli dan menggunakan produk, barangan dan perkhidmatan buatan Malaysia seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara agar lebih berdaya saing.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###